

06 NOV 1997

Mohamed-BN

SOKONGAN KEPADA BN PENTING UNTUK TANGANI MASALAH NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Changkat Jering Sabtu ini amat penting bagi kerajaan BN dalam menjalankan pelbagai rancangan serta menyelesaikan masalah negara dan antarabangsa.

Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat, berkata sokongan semua pengundi tanpa mengira bangsa dan agama amat penting dalam situasi negara sekarang.

Sehubungan itu, Menteri Penerangan itu menyeru semua pengundi supaya menunjukkan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan BN seperti yang mereka buktikan semasa pilihan raya umum 1995.

"Sehingga kini, sokongan para pengundi di Malaysia amat dihargai. Peratusan yang keluar mengundi pada setiap pilihan raya kecil dan pilihan raya umum didapati sangat mengalakkan dan mereka telah menjalankan tugas mereka dengan berkesan tanpa sebarang rasa takut atau khuatir terhadap keadaan yang tidak diinginkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mohamed juga meminta para pengundi Changkat Jering menjalankan tugas mereka dengan mengundi calon BN pada pilihan raya kecil itu.

"Sokongan terhadap BN turut membuktikan sokongan mereka terhadap kepimpinan negara dan kerajaan dalam tindakan positif menangani kemelut matawang dan pasaran saham yang kini menjadi isu dunia," katanya.

Mohamed berkata pilihan raya kecil Changkat Jering merupakan satu acara penting untuk semua pengundi dengan tugas mereka sama penting pada pilihan raya-pilihan raya umum.

"Proses pemilihan ini juga amat penting bagi BN untuk menentukan wakilnya dipilih oleh rakyat," katanya.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan calon BN, Mat Isa Ismail, 48, ditentang calon Pas, Idris Ahmad, 34. Ia diadakan berikutan kematian ADUN Changkat Jering, Datuk Mohd Razlan Abdul Hamid akibat barah usus pada 26 Sept lepas. --BERNAMA

ES NAK